



INTERNATIONAL JOURNAL OF HUMANITIES, PHILOSOPHY AND LANGUAGE (IJHPL)

www.ijhpl.com



PENTERJEMAHAN EUFEMISME AL-QURAN KE BAHASA MELAYU: ANALISIS PENDEKATAN SEMANTIK NEWMARK

TRANSLATION OF QURANIC EUPHEMISMS INTO MALAY LANGUAGE: ANALYSIS BASED ON NEWMARK'S SEMANTIC APPROACH

Muhammad Luqman Ibnul Hakim Mohd Saad ^{1*}, Zulazhan Ab. Halim², Nurazan Mohmad Rouyan³

¹ Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Cawangan Kelantan
Email: luqman701@uitm.edu.my

² Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Sultan Zainal Abidin
Email: zulazhan@unisza.edu.my

³ Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Sultan Zainal Abidin
Email: nurazan@unisza.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 22.08.2022

Revised date: 14.09.2022

Accepted date: 21.09.2022

Published date: 30.09.2022

To cite this document:

Saad, M. L. I. H. M., Ab. Halim, Z., & Rouyan, N. M. (2022). Penterjemahan Eufemisme Al-Quran Ke Bahasa Melayu: Analisis Pendekatan Semantik Newmark. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 5 (19), 35-46.

DOI: 10.35631/IJHPL.519004.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Eufemisme digunakan merentasi bahasa dan berkait dengan nilai sosiobudaya dan sosioagama. Dalam konteks terjemahan, eufemisme al-Quran mengandungi makna implisit dan mencetuskan permasalahan disebabkan elemen linguistik dan budaya. Oleh itu, pengaplikasian pendekatan yang sesuai dilihat signifikan bagi menghasikan kualiti dan ketepatan dalam karya terjemahan. Kajian kualitatif ini dilakukan untuk menganalisis penterjemahan eufemisme al-Quran ke bahasa Melayu bertunjangan pengaplikasian pendekatan Semantik dan Komunikatif oleh Newmark (1981). Di samping itu, pengkaji memanfaatkan *Corpus of Euphemisms in the Qur'an* oleh Olimat (2019) untuk tujuan pengumpulan data dan semakan terhadap struktur eufemisme dalam al-Quran. Aspek pengukuran ketepatan pula dibuat dengan membanding dan merujuk pentafsiran kitab tafsir muktabar. Dapatan kajian menunjukkan pendekatan semantik menghasilkan dua impak iaitu, penterjemahan bermutu dan kurang bermutu. Keberhasilan penterjemahan terarah kepada dua aspek, iaitu makna sebenar disampaikan dan gaya eufemistik dikekalkan. Sebaliknya, ketidaksempurnaan penterjemahan adalah disebabkan ketidaksesuaian pengaplikasian pendekatan terjemahan. Pendekatan semantik secara umumnya menyebabkan kehilangan maksud sebenar dan berpotensi mengelirukan pembaca sasaran. Namun begitu, pendekatan ini boleh diaplikasi sekiranya terdapat persamaan budaya dan linguistik dalam kedua-dua bahasa. Selain itu, pemilihan padanan perkataan merupakan antara faktor yang mempengaruhi kesesuaian gaya selaras dengan konsep eufemisme.

Kata Kunci:

Eufemisme al-Quran, Penterjemahan al-Quran, Pendekatan semantik Newmark, Kualiti Penterjemahan

Abstract:

Euphemisms are used across languages and relate to the sociocultural and socioreligious values. In the context of translation, Quranic euphemisms contain implicit meaning that causes problems due to the linguistic and cultural elements. Therefore, the application of suitable approach is seen significant to produce a quality and accurate translations. This qualitative study was conducted to analyse the translation of Quranic euphemisms into Malay language based on Semantic & Communicative approach introduced by Newmark (1981). Besides that, the Corpus of Euphemisms in the Qur'an by Olimat (2019) was utilised to collect data and to cross-check the structure of Quranic euphemism. A comparison between the translation work and the interpretation found in tafsir muktabar was made to measure the accuracy of the translations. The findings of the study show that the semantic approach produces two impacts namely high-quality and low-quality translations. The outcome of the translation can be seen in two aspects: the original meanings and euphemistic style used. On the other hand, unsatisfactory translations occurred due to the inappropriate application of the translation approach. Generally, semantic approach leads to the loss of the original meaning and can potentially confuse the target readers. However, this approach can be applied if there are cultural and linguistic similarities in both languages. In addition, the selection of equivalent words is one of the factors that influence the language styles in line with the concept of euphemism.

Keywords:

Quranic Euphemism, Quranic Translation, Newmark's Semantic Approach, Translation Quality

Pendahuluan


Penterjemahan merupakan jambatan yang merapatkan jurang antara dua bahasa dan budaya serta berfungsi sebagai medium yang menjelaskan kepada pembaca tentang elemen yang terdapat pada bahasa sumber. Oleh kerana itu, setiap penterjemahan harus menyampaikan makna asli dan mencapai fungsi komunikatif supaya wujud kesatuan dan kefahaman kepada pembaca.

Penterjemahan al-Quran bertujuan menyampaikan mesej Allah SWT melalui pentafsiran al-Quran ke bahasa lain selain daripada bahasa Arab (al-Zarqānī, 1988). Di samping itu, proses penterjemahan dilihat mencetuskan cabaran apabila pengalihan makna perlu dilakukan sebaik mungkin dengan memelihara fungsi leksikal dan unsur figuratif yang terkandung dalam al-Quran. Implikasinya, penterjemahan yang terlalu terikat dengan semantik bahasa sumber berkemungkinan menyebabkan kehilangan makna dalam bahasa sasaran. Oleh kerana itu, penterjemah perlu mengaplikasi pelbagai kaedah untuk menterjemahkan al-Quran (Khalaf & Zulkifli, 2012).

Terdapat satu bentuk item leksikal yang perlu diberi perhatian dalam penterjemahan iaitu ungkapan eufemisme. Riyad Abdallah (2018: 38) menyatakan eufemisme merupakan antara

fungsi al-kināyah dalam al-Quran. Dari sudut penggunaan istilah, terma eufemisme merujuk kepada التلطف (al-‘Askarī, 1952; Ibn Qutaibah, 1996), التعريض (Ibn Qutaibah, 1996; al-Ta‘ālibī, 1998) dan اللطافة (al-Ta‘ālibī, 1998). Secara teknikalnya, leksikal التلطف adalah istilah yang merujuk kepada ‘*euphemism*’ dalam bahasa Inggeris (Farghal, 2005: 58).

Al-Omouh (2011) membahagikan eufemisme dalam al-Quran kepada dua aspek iaitu kesusilaan moral dan kesukaran. Aspek pertama merangkumi topik seperti hubungan badan, wanita, bahagian badan dan fungsi perkumuhan. Manakala aspek kedua melibatkan topik seperti penyakit, kecacatan, kematian, hari penghakiman, perceraian, panik, kekalahan, kelaparan dan kemiskinan. Dari sudut kekerapan jumlahnya dalam al-Quran dinyatakan oleh Olimat (2019: 25), iaitu sebanyak 918 ungkapan. Perincian klasifikasi eufemisme al-Quran oleh Olimat sebagaimana rajah berikut:



Rajah 1: Kekerapan Eufemisme dalam Al-Quran

Sumber: (Olimat 2018)

Rajah di atas menunjukkan ‘hubungan badan’ dan ‘kematian’ adalah domain paling banyak dibicarakan dalam al-Quran iaitu masing-masing sebanyak 243 dan 169 ungkapan. Hal ini kerana, domain tersebut bersifat universal dan menyentuh sensitiviti kemasyarakatan. Antara contoh eufemisme topik hubungan badan dalam al-Quran seperti penggunaan perkataan بِشْرُوهُنَّ dan يَتَمَسَّسًا, تَعَشَّاهَا, أَفْضَى, تَمَسُّوهُنَّ, فَأَتُوهُنَّ. Pemadanan istilah tersebut dengan perkataan ‘mencampuri’ atau ‘bercampur’ menzahirkan unsur eufemisme dalam komunikasi selaras dengan konteks budaya dan penggunaan bahasa bagi masyarakat Melayu. Manakala, terjemahan kepada ‘hubungan seksual/seks’ tidak menepati peraturan berbahasa masyarakat Melayu kerana menzahirkan konotasi kasar. Hal ini sejajar dengan Munirah Zulkifli et. al., (2019) yang menyatakan bahawa penggunaan unsur eufemisme merupakan budaya masyarakat Melayu yang digunakan sebagai strategi kesantunan berbahasa bagi menggantikan kata-kata yang dianggap kurang sopan.

Dari sudut klasifikasi makna yang terbina daripada struktur eufemisme al-Quran, ia merangkumi makna pengkhususan (*particularization*), implikasi (*implications*), metafora (*metaphors*), metonimi (*metonyms*), pembalikan/ironi (*reversals*), pengurangan/litot (*understatements*), dan hiperbola (*overstatements*). Klasifikasi makna tersebut pada asasnya

diadaptasi melalui model Warren (1992) dan digunakan oleh Olimat (2018) sebagai kerangka kajiannya. Kesesuaian penggunaan model tersebut bagi mengkaji eufemisme al-Quran disokong oleh Albarakati (2018).

Pendekatan Terjemahan Eufemisme al-Quran

Pengaplikasian pendekatan terjemahan adalah tunjang untuk menghasilkan karya terjemahan berkualiti. Dalam konteks penterjemahan eufemisme al-Quran, alBarakati (2019) menggunakan pendekatan foreignisasi dan domestikasi. Pada asasnya pendekatan ini diketengahkan bagi menangani perbezaan budaya dan linguistik antara bahasa sumber dengan bahasa sasaran (Venuti, 1995). Selain itu, Mohammad Qasem dan Asma Mohammad (2013) mencadangkan pendekatan terjemahan yang mengutamakan makna eufemisme dan kesetaraan budaya merangkumi pendekatan linguistik dan budaya. Pendekatan linguistik digunakan apabila ketiadaan padanan leksikal dan penterjemahan perlu menggunakan perkataan paling hampir dan tidak mengorbankan fungsi dan gaya eufemisme. Manakala pendekatan budaya digunakan bagi mengelakkan terjemahan harfiah apabila wujud kesepadanan budaya.

Selain itu, Leppihalme (1997) mengutarakan sembilan strategi penterjemahan eufemisme iaitu penggunaan terjemahan biasa, terjemahan literal, menambah ekspresi eufemisme, menggunakan nota kaki / nota akhir, penggantian istilah bahasa sasaran, pengurangan, penyesuaian, pengekal dan penghilangan. Strategi yang diketengahkan oleh Leppihalme dilihat signifikan dalam penterjemahan eufemisme al-Quran ke bahasa Melayu seperti teknik terjemahan literal, peluasan, pengembangan dan penyesuaian. Pengaplikasian teknik tersebut dibuktikan melalui kajian oleh Muhammad Luqman Ibnul Hakim dan Zulazhan (2021) apabila menggunakan teknik terjemahan intervensi Darwish (2010) sebagai landasan kajian.

Sementara itu, Taghian M. (2021) pula menyarankan penggunaan beberapa strategi bagi menyampaikan maksud sebenar eufemisme al-Quran secara menyeluruh dalam teks sasaran, antaranya parafrasa, menggunakan tanda kurung, nota kaki atau anotasi marginal (transliterasi sebagai pilihan terakhir). Menurutnya lagi, pengetahuan silang budaya dan kemampuan seseorang penterjemah mengenai wacana sociolinguistik sangat diperlukan bagi memahami fenomena eufemisme dan disfemisme. Tegasnya, pembaca sasaran secara relatifnya boleh keliru apabila penterjemah mengabaikan fungsi dan konsep eufemisme.

Newmark (1981) merupakan tokoh yang sinonim dalam bidang penterjemahan. Menurutnya, permasalahan yang menyelip dalam teori dan amalan terjemahan akan tetap wujud ekoran daripada pertentangan kesetiaan dan lompong disebabkan tekanan pada bahasa sumber dan bahasa sasaran. Lantaran itu, beliau mengemukakan pendekatan semantik dan komunikatif untuk menangani permasalahan dalam penterjemahan. Pendekatan komunikatif cuba menghasilkan kesan sehampir mungkin ke atas pembaca asal manakala terjemahan semantik cuba menghuraikan makna konteks setepat-tepatnya yang terdapat dalam teks asal, setakat yang dibenarkan oleh struktur semantik dan sintaksis bahasa kedua itu. Pada hemat pengkaji, pendekatan yang diutarakan Newmark lebih menyeluruh dan sesuai untuk diaplikasi dalam kajian penterjemahan eufemisme al-Quran.

Pendekatan semantik secara terperinci memberi penekanan kepada penghasilan makna dan mengekalkan sifat khusus yang terdapat pada bahasa sumber dengan setepat dan sehampir mungkin dalam bahasa sasaran. Terjemahan semantik bersifat setia kepada bentuk, laras teks sumber dan berkisar dalam unsur budaya teks sumber (Newmark, 1981). Dari sudut parameter

makna, terjemahan semantik sentiasa tunduk kepada budaya yang terdapat pada bahasa sumber.

Berdasarkan penelitian, pendekatan yang sesuai seharusnya digunakan bagi mencapai sudut ketepatan dan penggunaan gaya yang sempurna. Hal ini kerana, tujuan penterjemahan adalah untuk memastikan makna sebenar disampaikan dengan baik di samping mematuhi penggunaan bahasa dalam konteks masyarakat. Dalam kajian ini, pengkaji cuba menerapkan terjemahan semantik oleh Newmark (1981) memandangkan pendekatan tersebut lebih memfokuskan kepada makna dan memungkinkan berlakunya kesamaran dan kekeliruan.

Permasalahan Kajian

Muhammad Luqman Ibnul Hakim dan Zulazhan (2021) menegaskan bahawa permasalahan dalam penterjemahan eufemisme al-Quran ke bahasa Melayu disebabkan faktor linguistik dan budaya. Menurutnya lagi, ketidaksesuaian penggunaan pendekatan terjemahan boleh mempengaruhi penyampaian makna dan menyebabkan berlaku ketidaktepatan dan ketidaksesuaian gaya eufemistis dalam karya terjemahan. Permasalahan tersebut juga mendapat perhatian oleh pengkaji bidang terjemahan al-Quran antaranya, al-Qahtani (2020), Rufaida Mohamed (2019), Olimat (2018, 2019), al-Tai' (2010), al-Omouh (2011) dan Albarakati (2019). Kebanyakan kajian yang dilakukan berkisar kepada aspek gaya dan makna eufemisme dalam konteks penterjemahan.

Olimat (2019) merupakan sarjana yang mengetengahkan fenomena dan permasalahan berkaitan eufemisme yang wujud dalam al-Quran. Menurutnya, antara permasalahan tersebut ialah ketidaksampaian makna sebenar, gaya eufemistis yang tidak dikekalkan dalam bahasa sasaran, wujud ketidakpatuhan kepada bahasa sumber atau struktur bahasa sasaran dan ketidaksesuaian kaedah terjemahan. Selain itu, Ali Albashir dan Mohamoud Ali (2017) mengetengahkan permasalahan terjemahan dari sudut ketidaksesuaian dan perbezaan makna serta gaya eufemisme al-Quran dalam bahasa Inggeris. Walaupun kajian tersebut dijalankan dalam domain terjemahan Arab-Inggeris, namun ia membantu pengkaji dalam memahami konsep eufemisme al-Quran dari sudut pemaknaan dan gaya yang perlu diberi perhatian oleh penterjemah. Kegagalan mengambil kira konsep tersebut dilihat mempengaruhi aspek ketepatan makna dalam penterjemahan.

Di samping itu, Nasimah dan Lubna (2019) melalui kajian mereka menunjukkan terdapat permasalahan dari sudut ketidaksesuaian gaya eufemisme dalam teks terjemahan al-Quran disebabkan ketidakpatuhan kepada peraturan sociolinguistik dan konteks budaya masyarakat Melayu. Implikasi daripada permasalahan tersebut menghasilkan karya yang tidak mementingkan aspek kesantunan dalam wacana terjemahan.

Natijahnya, permasalahan dalam penterjemahan eufemisme al-Quran mempunyai perkaitan dengan pengaplikasian pendekatan terjemahan dan pemilihan padanan perkataan. Oleh kerana itu, penetapan sesuatu teknik atau prosedur bergantung kepada konteks dan fungsi item leksikal bahasa sumber. Berdasarkan pengamatan pengkaji, pendekatan semantik merupakan kaedah yang sering kali digunakan dalam penterjemahan khususnya eufemisme al-Quran. Namun demikian, tidak banyak kajian dilakukan bagi meneliti pengaplikasian pendekatan tersebut dari sudut ketepatan dan kesesuaian gaya melibatkan konsep eufemisme al-Quran. Lanjutan daripada itu, kajian ini dijalankan untuk menganalisis pendekatan semantik dalam penterjemahan eufemisme al-Quran ke bahasa Melayu menggunakan teori semantik Newmark (1981).

Metodologi Kajian

Kajian kualitatif ini dijalankan secara kontrastif dan deskriptif. Analisis kontrastif dilakukan dengan memfokuskan kepada perbezaan atau persamaan terjemahan makna eufemisme al-Quran dalam karya terjemahan bahasa Melayu. Analisis deskriptif pula dilakukan untuk membincangkan impak yang terhasil daripada penggunaan pendekatan semantik. Bagi merealisasikan tujuan ini, pengkaji menerapkan pendekatan semantik Newmark (1981) sebagai landasan kajian. Dari sudut pengukuran kesepadanan makna, pengkaji merujuk pentafsiran kitab-kitab tafsir muktabar. Manakala, dari sudut kesesuaian penggunaan gaya eufemistik pengkaji mendapatkan rujukan pakar dalam bidang pragmatik (kesantunan). Dua karya terjemahan al-Quran dalam bahasa Melayu dijadikan bahan kajian iaitu:

- 1- (al-Quran Terjemahan Bahasa Melayu) Pustaka Ehsan, terbitan Masar Enterprise 2018.
- 2- (al-Quran al-Karim & Terjemahan) terbitan Telaga Biru 2019.

Instrumen semakan dan sumber pengumpulan data dilakukan dengan memanfaatkan pangkalan korpus iaitu *Corpus of Euphemisms in the Qur'an* oleh Olimat (2019). Sebanyak lima sampel dipilih bertunjangkan kepada ciri-ciri yang mencetuskan impak terhadap kualiti penterjemahan. Asas perbincangan berfokuskan kepada hasil pengaplikasian pendekatan semantik dalam penterjemahan. Sehubungan itu, perbincangan dan huraian dibentangkan bagi merealisasikan objektif kajian sebagaimana ditetapkan.

Analisis dan Perbincangan

Pengkaji membentangkan sampel kajian dalam bentuk jadual diiringi dengan huraian dan justifikasi bagi memudahkan perbincangan. Eufemisme al-Quran dan terjemahannya dalam bahasa Melayu ditanda dengan garisan bawah. Manakala, penerbit Pustaka Ehsan dikod (PE 2018) dan Syarikat Telaga Biru dikod (TB 2019). Huraian dilakukan pada peringkat leksikal dan dijelaskan sebagaimana berikut.

Sampel 1

Jadual 1: Penterjemahan Eufemisme بُهْتَانًا عَظِيمًا

Surah & Ayat	Eufemisme al-Quran	Terjemahan	
		PE 2018	TB 2019
al-Nisa' 4: 156	وَبِكْفَرِهِمْ وَقَوْلِهِمْ عَلَى مَرْيَمَ بُهْتَانًا عَظِيمًا	Dan (kami hukum juga) kerana kekafiran mereka (terhadap Isa), dan <u>tuduhan mereka yang sangat keji</u> terhadap Maryam	Dan (Kami melaknat mereka) kerana kekufuran mereka dan <u>tuduhan mereka yang sangat keji</u> terhadap Maryam

Dari sudut istilah, ibn Manzūr (1990) menjelaskan perkataan tersebut bermaksud pembohongan. Al-Aṣṣfahānī (1997) menyatakan penggunaan kata tersebut dalam al-Quran merangkum tiga elemen makna, iaitu (1) tercengang dan bingung sehingga terdiam [al-Baqarah 2: 258], (2) kebohongan yang membuat pendengarnya terdiam disebabkan kedustaannya yang teramat [al-Nur 24: 16] dan (3) kiasan kepada penzinaan [al-Mumtahanah 60: 12]. Berdasarkan

konteks ayat, eufemisme **بُهْتَانًا عَظِيمًا** sebagaimana jadual merujuk kepada tuduhan keji yang dilemparkan terhadap Maryam (al-Qurtubi, 2006; al-Ṭabarī, 1994). Penjelasan maksud tuduhan tersebut dipericikan oleh al-Suyūṭi (2011) melalui pandangan ibn ʿAbbās bahawa ia adalah tuduhan zina. Berdasarkan jadual, kedua-dua penerbit mengaplikasi pendekatan semantik dengan menterjemah eufemisme tersebut kepada “tuduhan mereka yang sangat keji”. Penterjemahan ini mengekalkan makna dan sifat khusus yang terdapat pada bahasa sumber. Implikasi daripada pendekatan ini menyebabkan maksud sebenar tidak disampaikan dengan sempurna. Sebagai penambahbaikan, pengkaji mencadangkan terjemahan seperti berikut: “dan (kami menghukum mereka) disebabkan kekufuran (terhadap ‘Isa) dan tuduhan mereka terhadap Maryam (dengan tuduhan zina) yang amat besar dustanya”.

Sampel 2

Jadual 2: Penterjemahan Eufemisme **يَمَسِّنِي**

Surah & Ayat	Eufemisme al-Quran	Terjemahan	
		PE 2018	TB 2019
Maryam 19: 20	قَالَتْ أَنَّى يَكُونُ لِي غُلَامٌ وَلَمْ يَمَسِّنِي بَشَرٌ وَلَمْ أَكْ بِعِيبًا	Dia (Maryam) berkata, bagaimana mungkin aku mempunyai anak lelaki, padahal tidak pernah ada orang (lelaki) yang <u>menyentuhku</u> dan aku bukan seorang penzina!”	Maryam bertanya, “bagaimanakah aku akan mendapat seorang anak lelaki, sedangkan aku tidak pernah <u>disentuh</u> oleh seorang lelaki pun dan aku pula bukan perempuan jahat?”

Leksikal **مَسَّنَ** menurut Kamus Besar Arab Melayu Dewan (2006: 2207) bermaksud menyentuh dengan tangan. Dari sudut konteks ayat, ia merujuk makna *kināyah* iaitu melakukan persetubuhan (al-Ṭabari, 2005: 6674). Berdasarkan jadual, kedua-dua penerbit mengekalkan ciri dan laras teks sumber dengan menterjemah eufemisme kepada ‘menyentuhku’ dan ‘disentuh’. Walaupun pendekatan semantik secara literal diaplikasi pada eufemisme ini, namun pembaca sasaran dapat memahami dengan baik berdasarkan anteseden atau perkaitan ayat (mempunyai/mendapat anak - disentuh orang lelaki) yang terdapat pada wacana terjemahan. Oleh yang demikian, terjemahan yang dilakukan oleh kedua-dua penerbit dilihat menyampaikan makna sebenar eufemisme al-Quran secara kiasan selaras dengan budaya dan laras berbahasa masyarakat Melayu. Walau bagaimanapun, penambahbaikan boleh dilakukan dengan menyisipkan maksud tambahan secara parentesis iaitu (mengahwiniku) dan (dikahwini) selepas perkataan ‘menyentuhku dan disentuh’. Perincian makna sebenar eufemisme ini bertepatan dengan pentafsiran yang diketengahkan oleh al-Ṭabari (1994: 149).

Sampel 3

Jadual 3: Penterjemahan Eufemisme فَأَتْوَهُنَّ

Surah & Ayat	Eufemisme al-Quran	Terjemahan	
		PE 2018	TB 2019
al-Baqarah 2: 222	فَإِذَا تَطَهَّرْنَ فَأَتْوَهُنَّ مِنْ حَيْثُ أَمَرَكُمُ اللَّهُ	Apabila mereka telah suci, <u>campurilah</u> mereka sesuai dengan (ketentuan) yang diperintahkan Allah kepadamu	Kemudian apabila mereka sudah bersuci maka <u>datangilah</u> mereka mengikut jalan yang diperintahkan oleh Allah kepada kamu

Kata dasar eufemisme al-Quran tersebut bermaksud datang/bersetubuh (Kamus Besar Arab Melayu Dewan, 2006: 11). Berdasarkan konteks, ayat tersebut membicarakan mengenai kebenaran menyertubuhi isteri menurut syariat Allah apabila telah bersuci daripada haid (al-Qurtubi (2006: 474). Merujuk kepada jadual, pendekatan komunikatif diterapkan oleh PE apabila elemen semantik bahasa sumber tidak dipindahkan ke dalam bahasa sasaran. Pemilihan padanan perkataan ‘campurilah’ dilihat menyampaikan maksud sebenar eufemisme فَأَتْوَهُنَّ dengan mengekalkan gaya eufemistik serta mengambil kira unsur kesantunan dalam penterjemahan. Hal ini kerana, perkataan tersebut secara berlapik menjurus kepada perbuatan bersetubuh (Kamus Dewan, 2015: 241). Namun demikian, TB dilihat mengaplikasi terjemahan semantik secara literal dengan menterjemah kepada ‘datangilah’. Menariknya, pemindahan semantik bahasa sumber ke dalam karya terjemahan ini secara langsung juga berjaya mengekalkan unsur kesantunan dan menyampaikan makna sebenar dengan berkesan kepada pembaca sasaran. Hal ini berlaku disebabkan terdapat persamaan aspek linguistik dan budaya antara kedua-dua bahasa.

Sampel 4

Jadual 4: Penterjemahan Eufemisme يَعْمَلُونَ السَّيِّئَاتِ

Surah & Ayat	Eufemisme al-Quran	Terjemahan	
		PE 2018	TB 2019
Hud 11: 78	وَجَاءَهُمْ قَوْمُهُمْ يَفْعَلُونَ إِلَيْهِ وَمِنْ قَبْلُ كَانُوا يَعْمَلُونَ السَّيِّئَاتِ	Dan kaumnya segera datang kepadanya. Dan sejak dahulu mereka selalu <u>melakukan</u> <u>perbuatan keji</u>	Dan kaumnya pun datang meluru kepadanya, sedang mereka sebelum itu <u>melakukan kejahatan*</u> *melakukan liwat (homoseksual)

Berdasarkan jadual, penterjemah mengekalkan sifat khusus teks asal dengan menterjemah eufemisme tersebut kepada ‘perbuatan keji’ dan ‘kejahatan’. Kedua-dua terjemahan tersebut sepadan dengan makna kamus sebagaimana didefinisi oleh Kamus Besar Arab Melayu Dewan (2006: 1204). Dari sudut makna konteks, ayat tersebut menceritakan tentang kaum nabi Lut yang melakukan perbuatan melampaui batas, iaitu mengadakan hubungan jenis sesama lelaki

dengan meninggalkan perempuan (al-Tabari, 1994: 297). Pendekatan semantik dengan memindahkan makna secara literal dipraktikkan oleh kedua-dua penerbit kerana terjemahannya bersifat setia kepada bentuk dan laras teks sumber. Walau bagaimanapun, prosedur kuplet melalui penggunaan dua teknik, iaitu teknik eksplisitasi secara nota kaki dan teknik parentesis oleh TB dilihat menyampaikan makna sebenar eufemisme dengan lebih berkesan. Sebaliknya, terjemahan oleh PE dilihat membataskan makna eufemisme dalam penterjemahan. Pendekatan ini membawa implikasi kekeliruan makna terhadap pembaca sasaran, khususnya yang tiada asas dan latar belakang bahasa Arab.

Sampel 5

Jadual 5: Penterjemahan Eufemisme تَحْتَانُونَ أَنْفُسَكُمْ

Surah & Ayat	Eufemisme al-Quran	Terjemahan	
		PE 2018	TB 2019
al-Baqarah 2: 187	أَحِلَّ لَكُمْ لَيْلَةَ الصِّيَامِ الرَّفَثِ إِلَىٰ نِسَائِكُمْ هُنَّ لِيَابِسَ لَكُمْ وَأَنْتُمْ لِيَابِسَ هُنَّ عَلِمَ اللَّهُ أَنَّكُمْ كُنْتُمْ تَحْتَانُونَ أَنْفُسَكُمْ فَتَابَ عَلَيْكُمْ وَعَفَا عَنْكُمْ	Dihalalkan bagimu pada malam hari puasa, bercampur dengan isterimu. Mereka adalah pakaian bagimu, dan kamu adalah pakaian bagi mereka. Allah mengetahui bahawa kamu tidak dapat <u>menahan dirimu sendiri</u> , tetapi Dia menerima taubatmu dan memaafkanmu.	Dihalalkan bagi kamu pada malam hari puasa, bersetubuh dengan isteri-isteri kamu. Isteri-isteri kamu itu ibarat pakaian bagi kamu dan kamu pula pakaian bagi mereka. Allah mengetahui bahawasanya kamu pernah <u>mengkhianati diri sendiri</u> , lalu Dia menerima taubat kamu dan memaafkan kamu.

Eufemisme al-Quran tersebut secara literal bermaksud ‘kamu mengkhianati diri kamu’. Ayat ini merujuk kepada keizinan pada malam hari puasa untuk mencampuri isteri. Al-Tabari (1994: 187) meriwayatkan terdapat dua pandangan yang menjelaskan maksud eufemisme tersebut iaitu pertama, mencampuri isteri dan kedua, makan dan minum pada waktu yang diharamkan. Pendekatan komunikatif secara modulasi dilakukan oleh PE menggunakan frasa ‘tidak dapat menahan dirimu sendiri’ dengan menyesuaikan mesej teks sumber mengikut budaya masyarakat Melayu supaya maksud sebenar dapat disampaikan. Hal ini kerana, frasa “menahan dirimu” juga membawa makna denotasi “menahan nafsumu”. Berbeza pula pendekatan yang dilakukan oleh TB apabila menggunakan pendekatan semantik secara literal dengan menterjemah kepada ‘kamu pernah mengkhianati diri sendiri. Pendekatan ini dilihat tidak menyampaikan makna sebenar dengan sempurna. Sebagai penambahbaikan, penterjemahan boleh dibuat menggunakan pendekatan komunikatif secara perluasan bagi menghasilkan impak terjemahan yang difahami oleh pembaca sasaran iaitu: “kamu tidak dapat menahan nafsumu (untuk mencampuri isteri)”.

Dapatan Kajian

Penterjemahan eufemisme al-Quran ke bahasa Melayu menghasilkan dua impak, iaitu terjemahan berjaya dan kurang berjaya. Keberhasilan penterjemahan eufemisme al-Quran terarah kepada dua aspek, iaitu makna sebenar disampaikan dan gaya eufemistis dikekalkan.

Sebaliknya, ketidaksempurnaan penterjemahan menghasilkan terjemahan yang mengorbankan fungsi item leksikal al-Quran. Dapatan kajian menunjukkan pendekatan semantik secara umumnya menyebabkan ketidaksampaian makna sebenar dan berpotensi mengelirukan pembaca sasaran. Namun begitu, pendekatan ini boleh diaplikasi sekiranya disertakan huraian tambahan dan wujud persamaan budaya serta linguistik dalam kedua-dua bahasa seperti yang terdapat pada eufemisme *فَأَتَوْهُنَّ* dan *يَمَسِّنِي*. Ringkasnya, pemilihan terminologi merupakan antara faktor yang mempengaruhi kesesuaian gaya selaras dengan konsep eufemisme.

Secara keseluruhan, pengaplikasian teknik dan prosedur dalam kajian ini dilihat signifikan untuk menyampaikan makna implisit kepada pembaca sasaran. Berdasarkan penganalisan, terjemahan semantik secara literal (apabila terdapat kesamaan budaya dan linguistik) dan pendekatan komunikatif secara modulasi serta penggunaan prosedur kuplet merupakan pendekatan yang berhasil dalam penterjemahan. Selain itu, kajian mendapati pendekatan terjemahan semantik dan komunikatif yang dikemukakan oleh Newmark (1981) bersesuaian untuk diaplikasi dalam proses penganalisan.

Kesimpulan

Dalam konteks penterjemahan eufemisme al-Quran, faktor linguistik dan budaya merupakan elemen yang perlu diperhalusi oleh penterjemah. Dari sudut pengaplikasian teknik dan prosedur terjemahan, konsistensi dan kesesuaian pendekatan merupakan tunjang untuk menghasilkan karya yang mencapai kualiti dan ketepatan. Hal ini kerana, terjemahan yang kurang tepat membawa implikasi terhadap mesej al-Quran seterusnya mempengaruhi pembaca sasaran. Oleh yang demikian, usaha menyampaikan mesej asal sebagaimana dalam al-Quran perlu dijadikan asas utama dalam aktiviti penterjemahan. Dalam kajian ini, beberapa cadangan telah dibuat sebagai penambahbaikan bagi menghasilkan terjemahan yang lebih menepati mesej al-Quran. Kesimpulannya, kajian ini telah meneroka satu dimensi baharu mengenai konsep eufemisme dalam al-Quran. Dapatan kajian diharap memperkayakan ilmu khususnya dalam bidang terjemahan Arab-Melayu.

Rujukan

- Albarakati, Mohammed. 2019. Translated Qur'an euphemisms: foreignised or domesticated? *Asia Pacific Translation and Intercultural Studies*, DOI:10.1080/23306343.2018.1525820
- Ali Albashir M. A. & Mohamoud Ali A. O. 2017. Problems of Translating Qur'anic Euphemisms: A Comparative Socio-pragmatic Study. *American International Journal of Contemporary Research*, 7(4). 104-117.
- al-Aṣḥānī, a.-R. P. (1997). *Mufradāt Alfāz al-Quran*. Damsyik: Dār al-Qalam.
- al-Askarī, Abū Hilāl. 1952. *Al-Ṣinā'atayn: Al-Kitāba wa al-Ṣi'r* [The Two Crafts: Writing and Poetry], first edition, ed. by 'Alī M. al-Baḡāwī and Muḥammad A. Ibrāhīm. Cairo: Dār Iḥyā' al Kutub al-'Arabiyya.
- al-Omouh, A. (2011). *Euphemism in the language of the Holy Koran*. (Master Thesis). Al-Albait University, Jordan.
- al-Qahtani, Osama. 2020. Translation Techniques applied in the Translation of Euphemisms for Hardship in the Quran. *Advances in Language and Literary Studies. Australian International Academic Centre PTY. LTD.* 31-37.

- al-Qurtubi, A.A. (2006). *Al-Jāmi' li Ahkām Al-Quran*. Abi 'Abdillah Muhammad bin Ahmad. Beirut: Muassasatt al-Risālatt.
- al-Suyūti, Jalal al-Din 'Abd al-Rahman. 2011. *Al-Durr al-Manthur fi al-Tafsir al-Ma'thur*. Beirut: Dar al-Fikr
- al-Ta'ālibī, Abū Mansūr. 1998. *Al-Kināya wa al-Ta'riḍ* [Metonymy and Innuendo]. Edited by 'Ā'īša Ḥusayn Farīd. Cairo: Dār Qibā'.
- al-Tabari, Abu Jaafar Muhammad ibn Jarir. (1994). *Jāmi' al-Bayān 'an Ta'wil Āyi Al-Quran*. Tafsir al-Tabari. Beirut: Muassasat al-Risalat.
- al-Tai', Hadil Najib. 2010. Euphemism in Arabic & English Translation: Quranic Texts as Case Study. *Majallat Kuliyyat Ma'mun al-Jāmi'at*. Bil 16. 370-380.
- al-Zarqānī, M. A. (1988). *Manāhil al-'Irfān fi 'Ulūm al-Qur'ān*. Beirut: Dār alKutub al-'Ilmiyyah. Beirut: Dar al-Fikr.
- Darwish, A. (2010). *Elements of Translation*. Melbourne: Writescope.
- Farghal, Mohammed. 1995. "Euphemism in Arabic: A Gricean interpretation." *Anthropological Linguistics*. 37 (3): 366–378.
- Ibn Manzūr, A. a.-F.-D. (1990). *Lisān al-'Arab*. Beirut: Dār al-Sādir.
- Ibn Qutaybah, Abū Muḥammad. (1996). *Uyūn al-Aḥbār* [The News' Eyes]. 3rd Volume. Cairo: Dār al-Kutub.
- Kamus Besar Arab-Melayu Dewan. (2006). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khalaf, I. N. A.-R & Zulkifli Mohd Yusoff. 2012. The Qur'an: Limits of Translatability. *QURANICA- International Journal of Quranic Research*, 2(1), 73-85.
- Leppihalme, R. (1997). *Culture Bumps: An Empirical Approach to the Translation of Allusions*. (Vol. 10). Multilingual matters.
- Mohammad Qasem Al-H. & Asma Mohammad S. 2013. The Translatability of Euphemism in the Holy Quran. *European Scientific Journal*, 9(2). 190-214.
- Muhammad Luqman Ibnul Hakim. M.S & Zulazhan. A.H. (2021). Ketidaktepatan terjemahan eufemisme dalam al Quran ke Bahasa Melayu. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*. 4 (3): 47-61.
- Munirah Zulkifli, Norazilah Buhari & Nor Azlili Hassan. 2019. Eufemisme Cerminan Nilai Sosiobudaya Masyarakat Malaysia. *Sains Insani*. Volume 03 No 2: 37-48.
- Nasimah A. & Lubna A. R. 2019. Eufemisme Dalam Wacana Terjemahan Makna al-quran ke Bahasa Melayu: Analisis Pragmatik. *Al-irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*. Vol. 4, No. 1, 39-56.
- Newmark, Peter. (1981). *Approaches to Translation*. Oxford: Pergamon Press Ltd.
- Riyad Abdallah M. Naseef. (2018). *Kināyah as a figure of speech in the Qur'an: an analysis of four English translations*. PhD Thesis. The University of Leeds.
- Rufaida Mohamed Almahdi Mekki Abdul Karim. 2019. Hurdles Posed by Attempts to Translate Euphemism and Taboo Expressions with Reference to Glorious Quran. *International Journal of Contemporary Applied Researches*. Vol. 6, No. 8. 130-141.
- Sameer. S. N. 2018. Developing a Model for Translating Euphemism in the Qur'an: An Intratextual- and Contextual-based Approach. *Advances in Language and Literary Studies*. Australian International Academic Centre PTY.LTD. Volume: 9 Issue: 6. 101-111.
- Sameer. S. N. 2019. Euphemism in the Qur'an: A Corpus based Linguistic Approach. *International Journal of Computational Linguistics (IJCL)*, Volume (10): Issue (2). 16-32.

- Taghian M. 2021. Translating Euphemisms of Sexual Taboos in the Qur'an: A Trans-Linguistic Approach. *British Journal of Translation, Linguistics and Literature (BJTLL)*. Vol 1. 32-53.
- Venuti, L. (1995). *The Translator's Invisibility: A History of Translation*. London Routledge.
- Warren, B. 1992. What euphemisms tell us about the interpretation of words?. *Studia Linguistica*, 46(2), 128–172. Doi: 10.1111/j.1467-9582.1992.tb00833.x